

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA PERASMIAN TAKLIMAT PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA  
KUKUM PADA 8 FEBRUARI 2005 DI DEWAN KULIAH 200, KUBANG GAJAH,  
ARAU.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA  
PUSTAKAWAN KUKUM

PARA PENCERAMAH

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

PERTAMA, SAYA INGIN MERAFA'KAN SETINGGI-TINGGI SYUKUR KEPADA  
ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA  
DIPERTEMUKAN KITA DI DALAM PROGRAM TAKLIMAT PENUBUHAN  
KESATUAN SEKERJA ANJURAN JABATAN PENDAFTAR YANG BUAT  
JULUNG-JULUNG KALINYA DIADAKAN DI UNIVERSITI INI.

SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DI UCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA  
PROGRAM KERANA BERKAT USAHA, DEDIKASI DAN SEMANGAT SALING  
KERJASAMA YANG UTUH DALAM MENCANAI IDEA DAN SETERUSNYA  
MELANGSUNGKAN KERJA DALAM MENGANJURKAN PROGRAM PADA PAGI  
INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAYA DIFAHAMKAN JUMLAH PESERTA YANG MENGIKUTI KURSUS INI ADALAH SERAMAI 108 ORANG KAKITANGAN YANG TERDIRI DARIPADA KUMPULAN SOKONGAN. DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA STAF-STAF BARU SERTA MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA UNTUK BERKHIDMAT DAN MENJADI ANGGOTA KELUARGA KUKUM.

KESATUAN SEKERJA ADALAH SATU BADAN ATAU PERTUBUHAN YANG DITUBUHKAN OLEH PEKERJA-PEKERJA DI DALAM SATU-SATU INDUSTRI (*IN-HOUSE UNION*), DI DALAM SESEBUAH JABATAN, DI SESEBUAH KEMENTERIAN ATAU ATAS JAWATAN YANG SAMA ATAUPUN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MAJLIS YANG DIDAFTAR DI BAWAH AKTA KESATUAN SEKERJA 1959.

MENGIKUT PERAKUAN PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA (ILO), KONVENSYEN 98 YANG DIKTIRAFKAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA, PEKERJA-PEKERJA BERHAK MENUBUHKAN KESATUAN SEKERJA DAN MEMULAKAN RUNDINGAN TAWAR-MENAWAR. INI ADALAH KUASA YANG DIBERI KEPADA TIAP-TIAP PEKERJA DI SELURUH NEGARA UNTUK

MENUBUHKAN ATAUPUN MEMASUKI MANA-MANA KESATUAN YANG DISUKAINYA. SETIAP PEKERJA MESTILAH TAHU HAKNYA DAN KUASA-KUASA YANG DIBERI KEPADANYA SEBAGAI PEKERJA DI DALAM NEGARA INI.

DI ANTARA TUJUAN DIADAKAN TAKLIMAT PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA PADA HARI INI ADALAH UNTUK:

1. MENINGKATKAN LAGI PEMAHAMAN STAF-STAF TENTANG OBJEKTIF PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA SERTA FUNGSI-FUNGSIONYA DI DALAM SESEBUAH ORGANISASI;
2. MEMBERIKAN PANDUAN TENTANG PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA DI KUKUM DARI SEGI PERLEMBAGAAN DAN PELAKSANAANNYA; DAN
3. MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA AM SEPerti PRINSIP-PRINSIP GAJI, ELAUN, KEMUDAHAN DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DI SINI SAYA INGIN MENYATAKAN BEBERAPA TUJUAN PENUBUHAN KESATUAN INI UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI PANDUAN OLEH SEMUA STAF. ANTARA LAIN IALAH:

1. PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA INI ADALAH UNTUK MENGATURKAN PERHUBUNGAN YANG BAIK DI ANTARA PEKERJA DENGAN MAJIKAN SUPAYA KEHARMONIAN PERUSAHAAN DAPAT DIKEKALKAN DI SAMPING MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DI UNIVERSITI INI.
2. KESATUAN SEKERJA INI JUGA AKAN MEWAKILI AHLI-AHLI DALAM PERTIKAIAN-PERTIKAIAN PERUSAHAAN DAN MENGAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN DALAM USAHA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DI ANTARA PEKERJA DENGAN MAJIKAN BERHUBUNG DENGAN TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEKERJAAN.
3. KESATUAN JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMELIHARA HAK DAN KEPENTINGAN PEKERJA-PEKERJA DAN MEWAKILI SEMUA PEKERJA DI PERINGKAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) DAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK)

KEJAYAAN PADA MELAKSANAKAN PENUBUHAN KESATUAN INI JUGA BERGANTUNG KEPADA KOMITMEN SERTA KERJASAMA DARI SEMUA PIHAK. TANPA ADANYA KESUNGGUHAN DAN SEMANGAT BERPASUKAN SERTA KERJASAMA PADU DARI SEMUA PIHAK, USAHA YANG DIANJURKAN TIDAK AKAN MEMBUAHKAN HASIL YANG DIHARAPKAN.

KITA JUGA PERLU PEKA TERHADAP APA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA DAN SENTIASA MEMAHAMI SEGALA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG DIKELUARKAN DARI MASA KE SEMASA SERTA BERUPAYA MENJADI PENYUMBANG KEPADA NEGARA. TUJUANNYA, TIDAK LAIN, ADALAH UNTUK MENINGKATKAN LAGI KEUPAYAAN JENTERA PENTADBIRAN KUKUM DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH EFISIEN KEPADA PIHAK PELANGGAN, TERUTAMA SEKALI ORANG RAMAI YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA KERANA DAPAT HADIR DAN SETERUSNYA MENGIKUTI TAKLIMAT PADA PAGI INI. UCAPAN TAHNIAH SEKALI LAGI JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM PADA PAGI INI KERANA TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS YANG BEGITU SIGNIFIKAN KEPADA ENTITI PENUBUHAN UNIVERSITI INI.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN TAKLIMAT PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA. SAYA SUDHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHI TAALA WABARAKATUH.